



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KOPERASI

KETETAPAN UMUM NO. 9/2011

TARIKH KELUARAN: 16 NOVEMBER 2011

KANDUNGAN

Muka surat



1.	Pendahuluan	1
2.	Peruntukan berkaitan	1
3.	Interpretasi	1
4.	Koperasi	2
5.	Layanan cukai ke atas koperasi	2
6.	Perintah pengecualian cukai pendapatan	15
7.	Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan	16
8.	Amaun yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan oleh koperasi	17
9.	Tarikh kuat kuasa	17

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Ketetapan ini menerangkan layanan cukai ke atas koperasi yang didaftarkan di Malaysia.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) berkaitan dengan Ketetapan ini ialah seksyen 65A, 77A, 107C dan perenggan 12 Jadual 6.
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 “Ahli” termasuklah seseorang atau sesuatu koperasi berdaftar yang turut sama dalam permohonan pendaftaran sesuatu koperasi dan diterima menjadi anggota mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang kecil selepas pendaftaran.
 - 3.2 “Dividen” bermaksud bahagian keuntungan sesuatu koperasi berdaftar yang dibahagikan di kalangan ahli-ahlinya mengikut kadar modal saham atau modal yuran yang dipegang oleh mereka.
 - 3.3 “Prinsip-prinsip koperasi” termasuk:
 - (a) keahlian sukarela dan terbuka;
 - (b) pengurusan yang demokratik;
 - (c) pulangan terhad atas modal yang disumbangkan oleh ahli;
 - (d) pembahagian keuntungan dengan saksama;
 - (e) penggalakan pendidikan koperasi; dan
 - (f) kerjasama aktif di kalangan koperasi berdaftar.
 - 3.4 “Saham” bermaksud bahagian dalam modal saham sesuatu koperasi berdaftar yang disumbangkan oleh ahli berkenaan dengan keanggotaannya dalam koperasi berdaftar itu.
 - 3.5 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
 - 3.6 “Tarikh pendaftaran koperasi” bermaksud tarikh pendaftaran yang ditandatangani oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kecuali dibuktikan bahawa pendaftaran telah dibatalkan.
 - 3.7 “Tempoh asas” bagi suatu tahun taksiran adalah tempoh perakaunan atau tahun kewangan berakhir, untuk kedua-dua pendapatan daripada punca perniagaan dan bukan perniagaan.
 - 3.8 “Yuran” bermaksud jumlah wang yang disumbangkan oleh ahli pada lat masa yang tetap berkenaan dengan keanggotaannya dalam sesuatu koperasi berdaftar dan yang boleh dikeluarkan apabila berhenti menjadi ahli.

4. Koperasi

- 4.1 Bagi tujuan cukai pendapatan, koperasi didefinisikan di bawah ACP 1967 sebagai koperasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pendaftaran koperasi di Malaysia.
- 4.2 Pertubuhan yang mana mendapat layanan cukai khusus di bawah seksyen 65A ACP 1967 adalah:
- (a) koperasi didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993;
 - (b) pertubuhan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1953 tetapi didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 (contoh: bank koperasi);
 - (c) pertubuhan lain ditubuhkan di bawah akta lain, tidak didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993, tetapi mendapat status yang sama dengan koperasi di bawah definisi koperasi dalam seksyen 2 ACP 1967. Pertubuhan ini adalah:
 - (i) Pertubuhan Peladang (didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973);
 - (ii) Persatuan Nelayan (didaftarkan di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971).
- 4.3 Koperasi yang didaftarkan di luar Malaysia tidak tertakluk kepada Ketetapan ini dan dikenakan cukai seperti syarikat bukan pemastautin.
- 4.4 Sesebuah koperasi dikehendaki mengagihkan sebahagian daripada keuntungan bersih beraudit bagi setiap tahun kewangan kepada kumpulan wang rizab, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi. Amaun tersebut ditentukan oleh peraturan koperasi ke atas harta dan dana yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 atau kementerian berkaitan.

5. Layanan Cukai Ke Atas Koperasi

- 5.1 Bagi tujuan cukai pendapatan tidak terdapat prinsip bersama dalam koperasi. Cukai dikenakan ke atas pendapatan yang diterima daripada kedua-dua aktiviti bersama dan bukan bersama. Contoh pendapatan daripada aktiviti bersama adalah faedah, fi pemprosesan dan fi keahlian yang diterima oleh koperasi daripada ahli dan staf.
- 5.2 Pendapatan bercukai bagi koperasi dikira mengikut aturan yang ditetapkan di bawah seksyen 5 ACP 1967. Perbelanjaan yang dibenarkan potongan dalam pengiraan pendapatan larasan koperasi adalah perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan. Perbelanjaan persendirian dan berbentuk modal adalah tidak dibenarkan. Dalam mengira pendapatan bercukai koperasi, potongan khusus diberi di bawah perenggan 65A(a) dan 65A(b) ACP 1967.

5.3 Potongan di bawah perenggan 65A(a) ACP 1967

Amaun potongan daripada jumlah pendapatan adalah jumlah yang dipindahkan atau dibayar oleh koperasi dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran kepada:

- (a) suatu kumpulan wang rizab berkanun;
- (b) mana-mana institusi pelajaran dan/atau pertubuhan koperasi yang diwujudkan untuk memajukan prinsip-prinsip koperasi; atau
- (c) Tabung Amanah Pendidikan Koperasi

seperti mana yang dikehendaki di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pendaftaran koperasi di Malaysia.

Walau bagaimanapun amaun potongan maksimum yang dibenarkan di bawah perenggan ini tidak boleh melebihi 25% daripada keuntungan bersih beraudit koperasi bagi tempoh asas tersebut.

5.4 Potongan di bawah perenggan 65A(b) ACP 1967

5.4.1 Amaun potongan adalah bersamaan dengan 8% (atau peratusan tertentu yang ditetapkan) daripada "kumpulan wang ahli" pada hari pertama tempoh asas untuk suatu tahun taksiran.

5.4.2 Kumpulan wang ahli seperti dinyatakan di bawah perenggan 12(2) Jadual 6 ACP 1967 bermaksud jumlah terkumpul daripada:

- (a) modal berbayar (berhubung dengan saham dan yuran dan tidak termasuk saham bonus yang diterbitkan daripada rizab modal yang diwujudkan oleh penilaian semula aset tetap);
- (b) kumpulan wang rizab berkanun;
- (c) rizab (selain daripada rizab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset tetap dan peruntukan susut nilai, pembaharuan atau penggantian dan penurunan dalam nilai aset);
- (d) baki akaun saham premium (tidak termasuk amaun yang dikreditkan semasa saham bonus diterbitkan pada premium daripada modal yang diwujudkan oleh penilaian semula aset tetap); dan
- (e) baki akaun pengasingan untung dan rugi.

5.4.3 Definisi “kumpulan wang ahli” di perenggan 12(2) Jadual 6 ACP 1967 secara khusus mengeluarkan rizab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset tetap dan peruntukan susut nilai, pembaharuan atau penggantian dan penurunan dalam nilai aset. Ini bermakna selain daripada rizab yang dikeluarkan secara khusus itu, rizab lain hendaklah diambil kira dalam pengiraan “kumpulan wang ahli” bagi koperasi. Sebagai contoh, rizab boleh terbit daripada bantuan atau keuntungan berkaitan seperti rizab yang terbit daripada derma atau hadiah, penebusan saham, pinjaman, pertaruhan daripada anggota dan bukan anggota, bantuan Kerajaan dan bantuan daripada agensi lain.

Contoh 1: Penentuan kumpulan wang ahli

KSD Berhad telah didaftarkan sebagai koperasi pada 1.1.2005. KSD Berhad mengendalikan kedai buku yang dibiayai sepenuhnya oleh ahli dan dibuka kepada orang awam. Akaun beraudit KSD Berhad bagi tahun berakhir 31.12.2011 adalah seperti berikut:

Pendapatan berkanun

	RM
Kedai buku	200,000
Dividen	60,000

Liabiliti dan ekuiti dalam kunci kira-kira pada 1.1.2011 menunjukkan perkara berikut:

	RM
Modal saham berbayar	350,000
Modal yuran ahli	-
Akaun saham premium	80,000
Kumpulan wang rizab berkanun	50,000
Keuntungan terkumpul	280,000
Akaun simpanan ahli	100,000
Akaun pinjaman ahli	<u>40,000</u>
Jumlah	<u>900,000</u>

Kumpulan wang ahli pada hari pertama tempoh asas bagi tahun 2011, iaitu pada 1.1.2011 dikira seperti berikut:

	<i>RM</i>
<i>Modal saham berbayar</i>	<i>350,000</i>
<i>Modal yuran ahli</i>	<i>-</i>
<i>Akaun saham premium</i>	<i>80,000</i>
<i>Kumpulan wang rizab berkanun</i>	<i>50,000</i>
<i>Keuntungan terkumpul</i>	<u><i>280,000</i></u>
<i>Kumpulan wang ahli</i>	<u><i>760,000</i></u>

Akaun simpanan ahli sejumlah RM100,000 dan akaun pinjaman ahli sejumlah RM40,000 bukan sebahagian daripada kumpulan wang ahli:

- (a) akaun simpanan ahli adalah simpanan ahli yang boleh ditambah atau dikeluarkan oleh ahli dan faedah atau dividen akan dibayar ke atas simpanan tersebut.*
- (b) akaun pinjaman ahli adalah pinjaman yang diberi oleh ahli kepada koperasi yang mana ahli akan menerima faedah atas pinjaman yang diberikan.*

5.5 Pengecualian daripada membayar cukai pendapatan di bawah Jadual 6 ACP 1967

5.5.1 Koperasi yang baru didaftarkan adalah dikecualikan daripada cukai ke atas mana-mana pendapatan bagi tempoh 5 tahun pertama bermula dari tarikh pendaftarannya (subperenggan 12(1)(a) Jadual 6 ACP 1967).

5.5.2 Koperasi yang telah berdaftar lebih daripada 5 tahun dikecualikan daripada cukai, hanya jika kumpulan wang ahli pada hari pertama bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran adalah kurang daripada RM750,000 (subperenggan 12(1)(b) Jadual 6 ACP 1967).

Contoh 2:

Penentuan pengenaan cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun dari tarikh pendaftaran koperasi

Suatu koperasi telah didaftarkan pada 1.9.2001 dan akaun ditutup pada 30 Jun setiap tahun.				
Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Bilangan Bulan		Status Cukai
		Semasa	Kumulatif	
2004	1.9.2004 - 31.12.2004	4	4	Pengecualian cukai ke atas semua penerimaan
2005	1.1.2005- 31.12.2005	12	16	
2006	1.7.2005 - 30.6.2006	6	22	
2007	1.7.2006 - 30.6.2007	12	34	
2008	1.7.2007 - 30.6.2008	12	46	
2009	1.7.2008 - 30.6.2009	12	58	
2010	1.7.2009 - 31.8.2009	2	60	Bagi 10 bulan berikutnya, status cukai bergantung kepada amaun kumpulan wang ahli pada hari pertama tempoh asas
	1.9.2009 - 30.6.2010	10	70	

Koperasi ini dikecualikan cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun bermula dari tarikh pendaftaran iaitu 1.9.2004 hingga 31.8.2009. Ini bermakna tiada cukai pendapatan dikenakan bagi tahun taksiran 2004 hingga 2009. Bagi tahun taksiran 2010, koperasi dikecualikan cukai bagi tempoh 2 bulan pertama manakala naikan cukai bagi tempoh 10 bulan berikutnya bergantung kepada amaun kumpulan wang ahli pada 1.7.2009. Koperasi tidak layak dikecualikan cukai sekiranya amaun kumpulan wang ahli adalah RM750,000 atau lebih.

Contoh 3:
Penentuan pengenaan cukai pendapatan selepas tempoh 5 tahun dari tarikh pendaftaran koperasi

Lanjutan kepada contoh 2, selepas 5 tahun dari tarikh pendaftaran, koperasi dikehendaki mengira amaun kumpulan wang ahli pada hari pertama tempoh asas untuk setiap tahun taksiran untuk menentukan sama ada koperasi dikecualikan cukai bagi tahun taksiran tersebut.		
Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Status Cukai
2010	1.9.2009 – 30.6.2010 (tempoh asas selepas 5 tahun)	Pengecualian ke atas penerimaan tertakluk kepada amaun kumpulan wang ahli pada hari pertama tempoh asas untuk setiap taksiran
2011	1.7.2010 – 30.6.2011	
2012	1.7.2011 – 30.6.2012	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Bagi tempoh 1.9.2009 hingga 30.6.2010, koperasi layak pengecualian sekiranya kumpulan wang ahli pada 1.7.2009 kurang daripada RM750,000. Seandainya kumpulan wang ahli pada 1.7.2009 adalah RM750,000 atau lebih, pendapatan bagi tempoh 1.7.2009 hingga 31.8.2009 dikecualikan cukai (termasuk dalam tempoh 5 tahun pertama) dan pendapatan bagi tempoh 1.9.2009 hingga 30.6.2010 dikenakan cukai (tempoh selepas 5 tahun).</i> ▪ <i>Sekiranya kumpulan wang ahli pada 1.7.2010 dan 1.7.2011 adalah RM750,000 atau lebih, pendapatan bagi tahun taksiran 2011 dan 2012 dikenakan cukai pendapatan.</i> ▪ <i>Seandainya kumpulan wang ahli pada 1.7.2010 dan 1.7.2011 adalah kurang daripada RM750,000, pendapatan bagi tahun taksiran 2011 dan 2012 dikecualikan cukai pendapatan.</i> 		

5.6 Kadar cukai

Koperasi dikenakan cukai pada kadar skala seperti mana diperuntukkan di Bahagian IV, Jadual 1 ACP 1967.

5.7 Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar

Pendapatan koperasi dikecualikan cukai pada peringkat pendapatan bercukai. Oleh itu, walaupun koperasi layak pengecualian cukai pendapatan

bagi sesuatu tahun taksiran, pendapatan larasan atau kerugian larasan serta elaun modal untuk tahun taksiran tersebut hendaklah ditentukan. Kerugian larasan dan lebihan elaun modal yang tidak dapat diserap boleh dihantar hadapan ke tahun taksiran berikut.

Contoh 4:
Pengiraan pendapatan bercukai yang dikecualikan dan layanan ke atas kerugian dan elaun modal yang tidak dapat diserap

Koperasi didaftarkan pada 1.1.2006 dan akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun. Pendapatan larasan perniagaan, kerugian larasan perniagaan, elaun modal dan amaun kumpulan wang ahli adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Pendapatan Larasan Atau Kerugian Larasan (RM)	Elaun Modal (RM)	Kumpulan Wang Ahli Pada Hari Pertama Tempoh Asas (RM)	Status Cukai
2006	1.1.2006 - 31.12.2006	170,000	120,000	430,000	Dikecualikan cukai tanpa mengira amaun kumpulan wang ahli
2007	1.1.2007 - 31.12.2007	190,000	90,000	480,000	
2008	1.1.2008- 31.12.2008	140,000	85,000	520,000	
2009	1.1.2009 - 31.12.2009	150,000	160,000	760,000	
2010	1.1.2010 - 31.12.2010	(80,000)	90,000	780,000	
2011	1.1.2011 - 31.12.2011	440,000	100,000	810,000	Dikenakan cukai - kumpulan wang ahli lebih daripada RM750,000 pada 1.1.2011

<i>Tahun Taksiran</i>	<i>Pendapatan Bercukai Yang Dikecualikan (RM)</i>	
2006	$170,000 - 120,000 - (8\% \times 430,000) = 15,600$	
2007	$190,000 - 90,000 - (8\% \times 480,000) = 61,600$	
2008	$140,000 - 85,000 - (8\% \times 520,000) = 13,400$	
2009	150,000 - 160,000 - (8% x 760,000) = tiada Elaun modal dihantar hadapan = 10,000	
2010	Tiada Rugi larasan dihantar hadapan = 80,000 Elaun modal bawa hadapan = 10,000 Elaun modal tahun semasa = 90,000	
2011	Tiada Koperasi dikenakan cukai kerana kumpulan wang ahli pada 1.1.2011 lebih daripada RM750,000 Pendapatan larasan perniagaan 440,000 Tolak: Elaun modal tahun asas 100,000 Elaun modal bawa hadapan <u>100,000</u> <u>200,000</u> Pendapatan berkanun 240,000 Tolak: Rugi bawa hadapan <u>80,000</u> Pendapatan agregat/Jumlah pendapatan 160,000 Tolak: 8% x 810,000 (perenggan 65A(b) ACP 1967) <u>64,800</u> Pendapatan bercukai 95,200	

Nota:

Andaian bahawa tiada potongan di bawah perenggan 65A(a) ACP 1967.

Contoh 5:

Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar selepas 5 tahun dari tarikh pendaftaran koperasi (kumpulan wang ahli melebihi RM750,000)

Maklumat dalam akaun beraudit	
Kunci kira-kira pada 31.12.2011	RM
Sumbangan dalam tempoh asas:	
▪ Kumpulan wang rizab berkanun	17,482
▪ Kumpulan Wang Amanah Pendidikan	2,914
▪ Kumpulan Wang Amanah Pembangunan	1,749
Jumlah	22,145
Kumpulan Wang Ahli pada 1.1.2011	
▪ Modal saham	40,700
▪ Modal yuran ahli	1,208,790
▪ Kumpulan wang penebusan saham	4,200
▪ Keuntungan terkumpul	80,468
▪ Kumpulan wang rizab berkanun	123,373
Jumlah	1,457,531
Untung bersih beraudit pada 31.12.2011	145,687
Pendapatan berkanun	
▪ Untung perniagaan	48,795
▪ Komisen produk pengguna	35,192
▪ Faedah	84,530
Pendapatan agregat	168,517
Derma: Tunai kepada organisasi diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967	10,000

Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar	
	RM
Pendapatan agregat	168,517
<i>Tolak: Derma</i>	<i>10,000</i>
Jumlah pendapatan	158,517
<i>Tolak potongan:</i>	
▪ <i>Perenggan 65A(a) ACP 1967 = 22,145</i>	

<p>dibandingkan dengan 25% daripada untung bersih beraudit yang mana rendah $(25\% \times 145,687) = 36,422$</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perenggan 65A(b) ACP 1967 8% daripada kumpulan wang ahli $(8\% \times 1,457,531)$ <p>Jumlah</p>	<p>22,145</p> <p><u>116,602</u></p> <p>138,747</p>
Pendapatan bercukai	19,770
Cukai pendapatan dikenakan	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Cukai atas RM 20,000 pertama 	0
Tolak: Bayaran ansuran	600.00
Baki cukai terlebih bayar	600.00

Contoh 6:

Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar selepas 5 tahun dari tarikh pendaftaran koperasi (kumpulan wang ahli melebihi RM750,000) dalam keadaan kes kerugian terkumpul

Maklumat dalam akaun beraudit	
Kunci kira-kira pada 31.12.2011	RM
Sumbangan dalam tempoh asas:	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kumpulan wang rizab berkanun ▪ Kumpulan Wang Amanah Pendidikan ▪ Kumpulan Wang Amanah Pembangunan 	<p>17,482</p> <p>2,914</p> <p>1,749</p>
Jumlah	22,145
Kumpulan Wang Ahli pada 1.1.2011	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Modal saham ▪ Modal yuran ahli ▪ Kumpulan wang penebusan saham ▪ Kerugian terkumpul ▪ Kumpulan wang rizab berkanun 	<p>40,700</p> <p>1,208,790</p> <p>4,200</p> <p>(80,468)</p> <p>123,373</p>
Jumlah	1,296,595
Untung bersih beraudit pada 31.12.2011	145,687

Pendapatan berkanun	
▪ Untung perniagaan	48,795
▪ Komisen produk pengguna	35,192
▪ Faedah	84,530
Pendapatan agregat	168,517
Derma: Tunai kepada organisasi diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967	10,000

<i>Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar</i>	<i>RM</i>
<i>Pendapatan agregat</i>	<i>168,517</i>
<i>Tolak: Derma</i>	<i>10,000</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<i>158,517</i>
<i>Tolak potongan:</i>	
▪ <i>Perenggan 65A(a) ACP 1967 = 22,145 dibandingkan dengan 25% daripada untung bersih beraudit yang mana rendah (25% x 145,687) = 36,422</i>	<i>22,145</i>
▪ <i>Perenggan 65A(b) ACP 1967 8% daripada kumpulan wang ahli (8% x 1,296,595)</i>	<u><i>103,727</i></u>
<i>Jumlah</i>	<i>125,872</i>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<i>32,645</i>
<i>Cukai pendapatan dikenakan</i>	
▪ <i>Cukai atas RM30,000 pertama</i>	<i>200.00</i>
▪ <i>Cukai atas tambahan RM2,645 pada kadar 6%</i>	<i>158.70</i>
<i>Jumlah</i>	<i>358.70</i>
<i>Tolak: Bayaran ansuran</i>	<i>600.00</i>
<i>Baki cukai terlebih bayar</i>	<i>241.30</i>

Contoh 7:

Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar selepas 5 tahun dari tarikh pendaftaran koperasi (kumpulan wang ahli melebihi RM750,000) dalam keadaan di mana amaun yang perlu dipindahkan atau dibayar melebihi 25% daripada keuntungan bersih beraudit.

Maklumat dalam akaun beraudit	
Kunci kira-kira pada 31.12.2011	RM
Sumbangan dalam tempoh asas:	
▪ Kumpulan wang rizab berkanun	766,035
▪ Kumpulan Wang Amanah Pendidikan	166,529
▪ Kumpulan Wang Amanah Pembangunan	233,141
Jumlah	1,165,705
Kumpulan Wang Ahli pada 1.1.2011	
▪ Modal saham	372,070
▪ Modal yuran ahli	41,915
▪ Kumpulan wang institusi pendidikan	378,085
▪ Kumpulan wang kebajikan ahli	194,450
▪ Kumpulan wang penebusan saham	400,000
▪ Kumpulan wang agihan dividen	80,000
▪ Akaun simpanan ahli	20,000
▪ Akaun pinjaman ahli	30,000
▪ Kumpulan wang rizab berkanun	340,000
▪ Keuntungan terkumpul	1,385,780
Jumlah	3,242,300
Untung bersih beraudit pada 31.12.2011	3,330,587
Pendapatan berkanun	
▪ Untung perniagaan	2,186,008
▪ Untung mudarabah atas deposit tetap	681,200
▪ Sewa	235,785
▪ Untung jualan saham (stok)	277,265
Pendapatan agregat	3,380,258
Derma: Tunai untuk kemudahan perpustakaan di bawah subseksyen 44(8) ACP 1967	25,000

Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar	RM
Pendapatan agregat	3,380,258
<i>Tolak: Derma (terhad kepada RM20,000)</i>	20,000
Jumlah pendapatan	3,360,258
<i>Tolak potongan:</i>	
▪ <i>Perenggan 65A(a) ACP 1967 = 1,165,705 dibandingkan dengan 25% daripada untung bersih beraudit yang mana rendah (25% x 3,330,587) = 832,647</i>	832,647
▪ <i>Perenggan 65A(b) ACP 1967 8% daripada kumpulan wang ahli (8% x 3,192,300)</i>	<u>255,384</u>
<i>Nota: Akaun simpanan ahli berjumlah RM20,000 dan akaun pinjaman ahli berjumlah RM30,000 bukan sebahagian daripada kumpulan wang ahli</i>	
Jumlah	1,088,031
Pendapatan bercukai	2,272,227
Cukai pendapatan dikenakan	
▪ <i>Cukai atas RM 250,000 pertama</i>	41,700.00
▪ <i>Cukai atas tambahan RM2,022,227 @ 26%</i>	525,779.02
Jumlah	567,479.02
<i>Tolak: Bayaran ansuran</i>	506,000.00
Baki cukai kena bayar	61,479.02

Nota: Amaun potongan di bawah perenggan 65A(a) ACP 1967 dihadkan kepada 25% daripada keuntungan bersih beraudit iaitu RM832,647. Lebihan sumbangan tidak dibenarkan dihantar hadapan ke tahun taksiran berikut.

Contoh 8:

Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar selepas 5 tahun pendaftaran koperasi (kumpulan wang ahli melebihi RM750,000) dalam kes di mana amaun potongan di bawah seksyen 65A ACP 1967 melebihi jumlah pendapatan.

Maklumat dalam akaun beraudit	
Kunci kira-kira pada 31.12.2011:	RM

Sumbangan dalam tempoh asas:	
▪ Kumpulan wang rizab berkanun	27,670
▪ Kumpulan Wang Amanah Pendidikan	4,612
▪ Kumpulan Wang Amanah Pembangunan	2,306
Jumlah	34,588
Kumpulan Wang Ahli pada 1.1.2011	
▪ Modal saham	593,780
▪ Modal yuran ahli	1,341,915
▪ Kumpulan wang penebusan saham	178,085
▪ Keuntungan terkumpul	994,450
▪ Kumpulan wang rizab berkanun	240,000
Jumlah	3,348,230
Untung bersih beraudit pada 31.12.2010	230,587
Pendapatan berkanun	
▪ Untung perniagaan	118,602
▪ Dividen	31,200
▪ Sewa	85,480
Pendapatan agregat	235,282
Derma: Hadiah lukisan di bawah subseksyen 44(11) ACP 1967	11,000

<i>Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai kena dibayar</i>	<i>RM</i>
<i>Pendapatan agregat</i>	<i>235,282</i>
<i>Tolak: Derma</i>	<i>11,000</i>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<i>224,282</i>
<i>Tolak potongan:</i>	
▪ <i>Perenggan 65A(a) ACP 1967 = 34,588 dibandingkan dengan 25% daripada untung bersih beraudit yang mana rendah (25% x 230,587)= 57,647</i>	<i>34,588</i>
▪ <i>Perenggan 65A (b) ACP 1967 8% daripada kumpulan wang ahli (8% x 3,348,230)</i>	<i>267,858</i>
	<i>302,446</i>
<i>Jumlah</i>	<i>Terhad 224,282</i>
<i>Pendapatan bercukai</i>	<i>0</i>

Cukai pendapatan dikenakan	0
<i>Tolak: Bayaran ansuran</i>	<i>36,000.00</i>
Baki cukai terlebih bayar	36,000.00

Nota: Amaun potongan di bawah perenggan 65A(a) dan 65A(b) ACP 1967 sebanyak RM302,446 dihadkan kepada jumlah pendapatan RM224,282. Lebihan tidak dibenarkan dihantar hadapan ke tahun taksiran berikut.

6. **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2006 [P.U.(A) 51/2006]**

6.1 Koperasi berasaskan pertanian, Pertubuhan Peladang Kawasan, Pertubuhan Peladang Persekutuan, Pertubuhan Peladang Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Persekutuan dan Persatuan Nelayan Negeri dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan berkaitan dengan **projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan**.

“Projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan” bermaksud projek pertanian yang diluluskan oleh Menteri melalui penyiaran dalam warta.

6.2 Pendapatan yang dikecualikan dan tempoh pengecualian adalah seperti berikut:

6.2.1 pendapatan berkanun daripada **projek baru** dikecualikan bagi tempoh 10 tahun taksiran berturut-turut mulai tahun taksiran 2001.

6.2.2 pendapatan berkanun daripada **projek pembesaran** dikecualikan bagi tempoh 5 tahun taksiran berturut-turut mulai tahun taksiran 2002.

6.2.3 tempoh pengecualian bermula daripada tahun taksiran pertama koperasi memperoleh pendapatan berkanun daripada projek tersebut.

“Projek baru” bermaksud projek pertama yang dijalankan oleh suatu syarikat bagi maksud melaksanakan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan dan projek itu diluluskan oleh Menteri.

“Projek pembesaran” bermaksud suatu projek yang dijalankan oleh suatu syarikat bagi maksud membesarkan projek pengeluaran bahan makanannya yang sedia ada yang diluluskan di mana projek itu:

- (a) tidak pernah diberi pengecualian di bawah perintah ini;
- (b) melibatkan kawasan tanah baru;
- (c) diluluskan oleh Menteri.

6.3 Pengecualian tidak terpakai kepada:

- 6.3.1 permohonan bagi projek baru dan projek pembesaran berkaitan dengan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan yang diterima oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selepas 30 September 2005;
- 6.3.2 koperasi bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di mana koperasi itu telah diberi insentif lain seperti yang disenaraikan dalam perintah pengecualian tersebut.

7. **Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)**

- 7.1 Mengikut seksyen 77A ACP 1967 koperasi dikehendaki mengemukakan BNCP iaitu Borang C1 kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dalam tempoh 7 bulan daripada tarikh selepas penutupan tempoh perakaunan yang merupakan tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran.
- 7.2 Walaupun koperasi layak dikecualikan cukai bagi suatu tahun taksiran, koperasi tersebut dikehendaki mengemukakan BNCP dan menentukan pendapatan larasan atau kerugian larasan serta elaun modal untuk tahun taksiran berkenaan.

8. **Amaun Yang Dibayar, Dikreditkan Atau Diagihkan Oleh Koperasi**

- 8.1 Dividen dibayar, dikredit atau diagihkan kepada ahli suatu koperasi dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 12A Jadual 6 ACP1967, sama ada koperasi tersebut dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan atau tidak.
- 8.2 Laba, keuntungan, faedah atau bonus diterima oleh ahli dan bukan ahli yang bermastautin daripada deposit yang disimpan dalam koperasi dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) (Pindaan) 2009 [P.U.(A) 211/2009] .

9. **Tarikh Kuat Kuasa**

Ketetapan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**